

FAKTOR KEBERGANTUNGAN KEPADA PEKERJAAN UTAMA DI KAWASAN MISKIN TEGAR DI SABAH

DEPENDENCE FACTORS ON MAIN JOBS IN THE HARDCORE POOR AREAS IN SABAH

Kee.Y.Sabariah Bte Kee Mohd Yussof¹
Jalihah Md Shah²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS),
(E-mail: keesabariah@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS),
(Email: jaihah@ums.edu.my)

Article history

Received date : 13-10-2023
Revised date : 14-10-2023
Accepted date : 26-11-2023
Published date : 29-12-2023

To cite this document:

Kee Mohd Yussof, K. Y. S. & Md Shah, J. (2023)..
Faktor kebergantungan kepada pekerjaan utama di
kawasan miskin tegar di Sabah *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 8
(59), 345 – 360.

Abstrak: *Aktiviti ekonomi memberi manfaat kepada penduduk setempat dan mencipta peluang pekerjaan. Kajian di Kampung Tetabuan, Beluran, Sandakan mendapati pekerjaan utama penduduk adalah nelayan. Kumpulan nelayan di kawasan ini menangkap ikan dan menjualnya kepada peraih untuk dipasarkan. Keseluruhan penduduk menjadikan sumber pendapatan dari laut sebagai sumber ekonomi utama untuk menyara kehidupan seharian. Hasil temu bual bersama ketua keluarga mendapati pendapatan yang diperolehi boleh menampung keperluan asas seperti makanan, pakaian dan keperluan harian, tetapi tidak mampu mengeluarkan mereka daripada kemiskinan. Istilah yang digunakan untuk menggambarkan pendapatan hasil menangkap ikan adalah “cukup-cukup makan, tidak ada lebih”. Kajian ini mendapati para informan ini masih memerlukan bantuan pihak kerajaan untuk menambah pendapatan dan membuat tabungan. Sungguh pun berada dalam keadaan miskin, para nelayan yang dikaji ini enggan mencari pekerjaan lain atau bekerja di luar kawasan kampung. Antara faktor-faktor yang menyebabkan mereka bertahan adalah kerana ikatan keluarga, tanggungjawab menjaga ibu bapa yang sudah tua, mewarisi pekerjaan ayah dan berkahwin dengan penduduk setempat. Walau bagaimanapun, informan mengharapkan ada perubahan dalam kehidupan dan tidak mahu anak-anak mewarisi pekerjaan sebagai nelayan. Golongan nelayan ini yakin pendidikan yang baik dapat mengubah nasib anak-anak pada masa hadapan. Sungguhpun begitu, ada segelintir ketua keluarga yang tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah menengah yang terletak jauh di kawasan bandar kerana menghadapi masalah kewangan. Keadaan ini menyebabkan anak-anak mereka bekerja sebagai nelayan sejak remaja lagi. Kajian ini menilai situasi yang berlaku dan mengetengahkan faktor utama kebergantungan ketua isi rumah miskin tegar kepada aktiviti nelayan di Kampung Tetabuan.*

Kata Kunci: *Pekerjaan, Nelayan, Kemiskinan, Pendapatan*

Abstract: *Economic activity benefits local communities and creates job opportunities. A study in Tetabuan Village, Beluran District of Sandakan found that the main occupation of the community is fisheries. Fishermen groups in this area catch fish and sell it to the middlemen. The entire community earns income from the sea as the main source of economic activities to sustain their daily life. The interview with the head of the family found that the income earned can cover basic needs such as food, clothing, and daily necessities, but unable to lift them out of poverty. The informant used to describe their income from fishing activities as "enough to eat, nothing more". This study found that these informants still need help from the government to increase their income and make savings. Despite being poor, the fishermen refused to find other jobs or work outside the village. Among the factors that cause them to survive are because of family ties, the responsibility of taking care of their elderly parents, inheriting their father's work, and marrying the villagers. However, the informant hoped for a change in life and did not want their children to inherit a job as a fisherman. These fishermen believed that a decent education would improve their children's prospects. However, due to financial constraints, some heads of households are unable to send their children to secondary schools located in urban areas. Because of this, their children have been working as fishermen since they were teenagers. This study assesses the situation and identifies the dependence primary factor of the head of hardcore poor households to fisheries in Tetabuan Village.*

Keywords: *Occupation, fishermen, Poverty, Income*

Pengenalan

Aktiviti perikanan tradisional berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah kemiskinan. Dua sebab utama yang menyebabkan kemiskinan nelayan iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Béné, 2003). Faktor dalaman adalah sifat semulajadi sektor perikanan yang boleh dimasuki secara bebas oleh sesiapa; sama ada nelayan berskala kecil mahupun nelayan komersil (Béné, 2003) serta faktor cuaca dan musim ikan (Jalihah & Hafizah, 2013). Manakala faktor luaran terdiri daripada peluang yang rendah dan alternatif yang dimiliki oleh para nelayan. Laut yang boleh diterokai oleh sesiapa menyebabkan hidupnya mudah dieksploitasi dan ini akhirnya menjejaskan hasil tangkapan nelayan (Béné, 2003; Allison & Ellis, 2001; LiPuma, 1992; Acheson, 1981). Justeru itu, komuniti nelayan tergolong dalam kumpulan yang berpendapatan rendah dan terdedah kepada pelbagai risiko seperti kemelesetan ekonomi, musim tengkujuh, kemarau dan banjir (Ibrahim et al., 2018). Di Malaysia, golongan nelayan sering dikaitkan dengan taraf hidup yang rendah dan berhadapan dengan pelbagai keterbatasan mendapatkan kemudahan seperti sekolah, kesihatan dan jalan raya (Ahmad Zubir & Abd. Rahim, 2016). Dalam pada itu, nelayan turut berhadapan dengan kekurangan pemilikan aset sama ada aset sumber manusia, aset fizikal, aset kewangan, aset semula jadi dan aset sosial (Norina Natasha, 2023; Ibrahim et al., 2019) yang menyumbang kepada kehidupan miskin dan menyebabkan nelayan terperangkap dalam rangkaian hidup miskin.

Kebergantungan sepenuhnya kepada hasil laut sebagai mata pencarian utama menyebabkan situasi kemiskinan isi rumah nelayan berterusan (Ahmad Zubir & Abd. Rahim, 2016). Selain itu, sektor perikanan ini turut berhadapan dengan krisis bila mana anak-anak nelayan didapati kurang berminat untuk mewarisi pekerjaan tradisi ini kerana bermigrasi ke bandar dan bekerja dalam sektor perkilangan (Wan Mohd Zaifurin & Abdul Majid, 2009). Walaupun begitu, nelayan tetap menjadi salah satu pilihan pekerjaan penduduk luar bandar. Persoalannya, mengapakah ada komuniti di kawasan luar bandar yang masih memilih pekerjaan nelayan sebagai sumber pendapatan utama isi rumah? Untuk itu, satu kajian dilakukan di Kampung

Tetabuan, Belurun yang membincangkan berkenaan kebergantungan komuniti ini terhadap pekerjaan sebagai nelayan dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mereka menetap di kawasan perkampungan tersebut dan tidak mencari pekerjaan lain. Turut diuraikan adalah harapan para nelayan terhadap masa hadapan anak-anak mereka.


Definisi Konsep dan Sorotan Kajian Lepas

Konsep Kemiskinan

Kemiskinan biasanya dilihat sebagai situasi kekurangan yang berlaku dari sudut material, bagaimanapun terdapat juga kekurangan ini yang bersifat budaya (Scott & Marshall, 2009). Kemiskinan merujuk kepada ketidakpatuhan, keteringgalan dan kemunduran sesuatu masyarakat (Yahya et al., 2019). Dalam pada itu, kemiskinan turut dilihat sebagai ketiadaan pilihan dan peluang untuk menikmati kehidupan yang selesa sekurang-kurangnya bagi memenuhi keperluan asas (Mohamed Saladin et al, 2011: 73). Menyentuh mengenai pilihan dan peluang yang terhad, Sen (2001) menekankan peri pentingnya kebebasan dari aspek memperoleh pendidikan asas, kesihatan dan untuk individu keluar daripada kemiskinan.

Kemiskinan boleh diukur menggunakan dua ukuran iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Menurut Siti Hadijah (2020), kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan secukup makan dan hanya mempunyai pilihan untuk memenuhi keperluan asas berbanding kehendaknya. Keperluan asas merangkumi makanan, pakaian, tempat kediaman, pendidikan dan perubatan. Ekoran daripada itu, individu mahupun isi rumah tidak berupaya menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah (Norzita & Siti Hadijah, 2014). Manakala kemiskinan relatif pula adalah perbandingan kedudukan antara satu kumpulan dengan yang lain berdasarkan agihan pendapatan. Gopal *et al.*, (2021) menyatakan kemiskinan merupakan kekurangan yang dihadapi oleh seseorang untuk menjalani kehidupan seperti masyarakat yang normal. Kekurangan yang dihadapi oleh individu yang miskin boleh dikenal pasti berdasarkan pendapatan yang tidak mencukupi untuk membeli keperluan asas, tahap pendidikan yang tidak tinggi, perolehan harta ataupun aset kekayaan yang tidak banyak serta masalah kesihatan sedikit sebanyak mengganggu kelangsungan individu untuk hidup dalam keadaan normal.

Pendekatan pengukuran kemiskinan mutlak ditentukan berdasarkan pendapatan minimum Paras Garis Kemiskinan (PGK). Seseorang diklasifikasikan sebagai miskin sekiranya pendapatan di bawah PGK, manakala bagi kemiskinan relatif pula mengukur kemiskinan daripada segi agihan pendapatan dan ia juga boleh mengenal pasti jurang ekonomi dan sosial antara miskin dan bukan miskin (S Gopal *et al.*, 2021). Sungguhpun begitu, S Gopal et al., (2021) dalam penulisan mereka telah mengkritik konsep kemiskinan yang diukur berdasarkan PGK dan mencadangkan takrifan kemiskinan mengikut Pengukuran Indeks Kemiskinan Multidimensi yang akan membantu pembuat dasar supaya pelaksanaan program pembasmian kemiskinan lebih berpusatkan kemanusiaan.



Rajah 1: Pengukuran Indeks Kemiskinan Multidimensi

Sumber: Parthiban (2013) dalam S Gopal et al., (2021)

Dimensi kemiskinan multidimensi telah membuka jalan kepada kajian akan datang untuk meneroka aspek kemiskinan dalam konteks yang lebih luas. Penggunaan kaedah pengukuran indeks kemiskinan multidimensi membolehkan dimensi utama yang menyumbang kepada masalah kemiskinan diketahui (Siti Hadijah, Roslan & Siti Norliza, 2012) dan difahami dengan lebih berkesan.

Keadaan Sosioekonomi, Kemiskinan dan Komuniti Nelayan

Pelbagai faktor yang memberi kesan terhadap kemunduran yang berlaku di kawasan luar bandar. Antara faktor utama seperti aspek sosioekonomi, kesihatan dan bentuk muka bumi yang mencabar telah menyumbang kepada kemiskinan di luar bandar (Campos et al., 2018). Ibrahim et al., (2018) menyatakan bahawa komuniti nelayan amat sinonim dengan taraf hidup yang rendah serta keterbatasan untuk mendapatkan kemudahan seperti sekolah, kesihatan dan jalan raya telah mewujudkan rantai isu kemiskinan yang berterusan dalam komuniti ini. Perbincangan berhubung kemiskinan yang berlaku dalam komuniti nelayan telah disentuh dalam banyak kajian di Malaysia bermula dari penyelidikan ahli antropologi terkenal iaitu Raymond Firth di Perupok, Kelantan pada tahun 1940-an (Firth, 1990). Kajian kontemporari berkenaan komuniti ini masih menemui corak kehidupan nelayan yang mencerminkan kepayahan (Muhammad Wafi, Sharifah Rohayah & Sofia Haminah, 2019; Jaliyah & Hafizah, 2013). Penempatan komuniti nelayan yang terletak di kawasan luar bandar memberi implikasi terhadap kesukaran memasarkan hasil tangkapan ekoran kesukaran akses jaringan pengangkutan dan perhubungan (Mohammad Raduan, Mazlan dan Yeap, 2009). Malah pembangunan yang berlaku di persekitaran mereka kurang menguntungkan komuniti nelayan (Mustaffa, Ishak dan Chamhuri, 2007) sebaliknya menjejaskan pendapatan harian mereka (Jaliyah & Hafizah, 2013) kerana wujudnya larangan melakukan penangkapan ikan sama ada atas faktor pelancongan mahupun kawasan perlindungan marin (Norina Natasha & Jaliyah, 2023).

Mohd Zaki, Hamid dan Khairul Hisyam (2019) menyatakan kesanggupan untuk bekerja dan menetap di kampung merupakan pilihan bagi masyarakat atau penduduk asal kampung tersebut. Mereka telah terbiasa dengan suasana kampung dan merasa tidak perlu keluar dari kampung untuk mencari sumber pendapatan. Selain itu, sara hidup yang rendah menyebabkan ada yang ingin kekal berada di kampung. Kajian ketiga-tiga penyelidik ini turut mendapati bahawa masyarakat dalam kawasan miskin tegar mempunyai elemen silaturahim dan nilai nostalgia yang tinggi. Oleh itu, mereka sanggup menetap bersama keluarga dan keluarga mertua bagi

meneruskan peranan sebagai ketua keluarga. Manakala menurut Siti Hadijah (2020), sosioekonomi pekerjaan dan pendapatan bulanan masyarakat miskin merupakan gambaran terhadap kualiti hidup yang mereka perolehi selain daripada kesihatan dan pendidikan. Oleh itu, penting bagi masyarakat di kawasan miskin tegar mempunyai pendidikan dan pekerjaan yang baik untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Sehubungan itu, Kalthum dan Chamhuri (2021) menyatakan pekerjaan yang dilakukan oleh golongan miskin dapat mengubah corak hidup dan kehidupan sosial daripada aspek peningkatan pendapatan. Sungguhpun pekerjaan yang diceburi merupakan pekerjaan yang kurang kemahiran, berpendapatan sederhana, namun jika dilakukan secara berterusan ia akan mampu mengubah corak sosial kehidupan sesuatu komuniti di luar bandar. Laily (2014) menyatakan apabila satu komuniti miskin mempunyai pengetahuan atau mendapat latihan berkaitan pekerjaan akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan ia mendorong mobiliti atau hijrah dari luar kampung halaman agar dapat meningkatkan sosio ekonomi mereka. Mobiliti mengurangkan masalah kemiskinan di sesuatu kawasan dan tindakan berhijrah boleh membantu mengurangkan kecenderungan untuk menjadi komuniti miskin.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjalankan temu bual dan pemerhatian di Kampung Tetabuan, Beluran. Untuk itu, temu bual bersemuka dijalankan berpandukan rangka temu bual berstruktur bersama tujuh orang ketua isi rumah miskin tegar. Oleh kerana temu bual dilaksanakan secara berstruktur, maka tema-tema utama perbualan telah dikenalpasti lebih awal yang merangkumi tiga tema utama iaitu (i) sosio ekonomi informan dari aspek pekerjaan; (ii) pendidikan yang diperolehi; dan (iii) faktor yang menyebabkan informan memilih untuk bekerja di kawasan asal atau kampung halaman. Setiap sesi temu bual berlangsung di antara 20 hingga 30 minit. Data temu bual ini kemudiannya ditranskrip dan dianalisis secara manual dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan petikan *verbatim*. Pemerhatian pula dilakukan di persekitaran rumah dan perkampungan nelayan yang dikaji.

Dapatan Kajian

Lokasi Kajian

Kampung Tetabuan terletak di daerah Beluran, Sandakan. Jarak dari bandar Sandakan ke pekan Beluran adalah 85 kilometer yang dihubungkan melalui jalan darat. Manakala dari jeti pekan Beluran, penduduk kampung perlu menggunakan bot yang mengambil masa sekitar 30 hingga 45 minit untuk sampai ke Kampung Tetabuan. Peta 1 menunjukkan kedudukan Kampung Tetabuan yang merupakan sebuah pulau dalam peta daerah Beluran. Dengan itu, lebih 95% daripada kawasan rumah penduduk di perkampungan ini terletak di atas air (Lihat Foto 1). Kampung ini mempunyai kemudahan asas seperti jambatan (Lihat Foto 3), titi bersimen dan kayu yang menghubungkan satu rumah dengan rumah lain, jeti, bekalan elektrik dari Sabah Electric Sdn. Bhd (SESB) selama 12 jam, sekolah rendah dan sekolah agama. Penduduk di kampung ini tidak mendapat bekalan air terawat sebaliknya mereka menadah hujan bagi kegunaan mandi dan mencuci serta membeli air minuman dalam botol untuk memasak dan minum. Ketika kajian ini diusahakan pada bulan Disember 2022, perkampungan nelayan ini dihuni lebih 1000 orang penduduk dengan sebahagian besarnya adalah nelayan sepenuh masa. Temu bual bersama ketua kampung mendapati ada sebilangan kecil penduduk yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, bekerja dalam sektor swasta dan berniaga secara kecil-kecilan seperti membuka kedai runcit, gerai makan, mengambil upah membuat perahu dan menjual ikan kering.



Peta 1: Kampung Tetabuhan dalam Peta Daerah Beluran



Foto 1: Bot Informan untuk ke Laut Dilabuhkan Berhampiran Rumah



Foto 2: Rumah Atas Air Milik Informan



Foto 3: Bot adalah Jenis Pengangkutan yang Digunakan Penduduk untuk ke Pekan Beluran



Foto 4: Pemandangan Jeti di Pekan Beluran Pada Waktu Malam

Demografi Informan

Kajian ini telah menemubual seramai tujuh orang nelayan sepenuh masa. Berdasarkan Jadual 1, demografi sosial informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada dua orang berumur 30 hingga 33 tahun, tiga orang informan pula berumur 43 hingga 46 tahun dan dua orang informan selebihnya berumur 50 hingga 51 tahun. Keseluruhan informan ini merupakan penduduk yang lahir dan membesar di Kampung Tetabuan, Beluran. Kajian ini mendapati kesemua informan ini adalah daripada etnik Bajau dan sudah berkahwin.

Jadual 1: Ciri Demografi Sosial Informan

Kategori	Informan 1	Informan 2	Informan 3	Informan 4	Informan 5	Informan 6	Informan 7
Jantina	lelaki	Lelaki	Lelaki	Lelaki	Lelaki	Lelaki	Lelaki
Umur	46 tahun	43 tahun	46 tahun	51 tahun	50 tahun	33 tahun	31 tahun
Status Perkahwinan	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin	Berkahwin
Etnik	Bajau	Bajau	Bajau	Bajau	Bajau	Bajau	Bajau
Tahap Pendidikan	Tidak pernah bersekolah	Darjah 6	Darjah 6	Darjah 6	Darjah 6	Tingkatan 3	Tingkatan 3
Pekerjaan Sepenuh Masa	Nelayan	Nelayan	Nelayan	Nelayan	Nelayan	Nelayan	Nelayan
Anggaran Pendapatan Sebulan	RM600	RM700	RM50-1000	RM800	RM600	RM600	RM700

Dalam meninjau aspek pendidikan informan terdapat tiga kategori tahap pendidikan yang berbeza dalam kalangan informan. Pertama, kategori tidak pernah bersekolah yang diwakili oleh seorang informan berumur 46 tahun. Meskipun informan ini mempunyai masalah dalam mengenal huruf, namun kajian ini mendapati beliau boleh mengira asas yang berkaitan dengan kerjanya. Kategori kedua adalah bersekolah rendah (darjah 6) yang melibatkan empat orang informan iaitu informan 2 hingga informan 5. Kesemua informan ini pandai membaca dan mengira. Manakala kategori ketiga adalah bersekolah menengah. Kategori terakhir ini menyaksikan informan 6 dan informan 7 yang sempat mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Kedua-dua informan ini boleh membaca dan mengira serta menyatakan pekerjaan harian mereka memerlukan kemahiran mengira untuk mengelakkan ditipu oleh peraih ikan.

Kedudukan kampung yang jauh dari pekan Beluran dan hanya boleh dihubungkan menerusi pengangkutan air menjadi faktor ramai informan tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Hal ini kerana informan terpaksa bersekolah di pekan Beluran dan tinggal di asrama. Di Kampung Tetabuan hanya ada sekolah rendah sahaja. Ada dalam kalangan informan menyatakan mereka tidak sanggup tinggal berjauhan daripada ibu bapa masing-masing, malah ada juga yang menjelaskan kos hidup tinggal di asrama adalah tinggi berbanding di rumah. Faktor muka bumi, kos hidup tinggi dan hubungan kekeluargaan menjadi faktor penghalang kepada informan mendapatkan pendidikan di peringkat sekolah menengah.

Ketika kajian ini dilakukan, kesemua informan bekerja sendiri sebagai nelayan. Berdasarkan temu bual bersama informan, kajian ini mendapati sebilangan besar informan memperoleh anggaran pendapatan di antara RM600 hingga RM1,000 sebulan. Jumlah pendapatan bulanan ini bergantung kepada kekerapan informan turun ke laut yang banyak dipengaruhi faktor cuaca. Namun, ada informan menyatakan beliau memperoleh pendapatan serendah RM50 sebulan dan pernah mengalami masalah seperti pukut rosak dan mengambil masa untuk dibaiki. Apabila peralatan utama untuk menangkap ikan mengalami kerosakan, maka aktiviti ekonomi informan akan terjejas. Kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini menyatakan mereka hanya menjual hasil tangkapan kepada peraih dan tidak perlu ke pekan Beluran untuk menjual ikan. Sehubungan itu, kajian ini mendapati faktor cuaca turut mempengaruhi pola pekerjaan nelayan yang menyaksikan ketika musim tengkujuh, ombak kuat atau musim berangin kencang, aktiviti

ke laut para informan tergendala sementara waktu. Pada ketika itu, banyak masa digunakan untuk membaiki pukot atau perahu.

Selain menjual hasil tangkapan kepada peraih, kajian ini menemui dua orang informan yang memproses ikan menjadi produk hiliran seperti keropok dan ikan masin. Hal ini diakui oleh informan 4 seperti berikut:

“Hasil ikan-ikan, kecil tidak dijual, kadang dibuat ikan masin untuk dimakan sendiri.”

Informan 5 pula menyatakan:

“Kadang-kadang hasil laut boleh juga dibuat makanan macam keropok. Bini (isteri) buat ikan masin dan dijual di kawasan kampung.”

Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa hasil tangkapan informan diproses menjadi ikan masin dan pembuatan keropok sama ada untuk makanan sendiri mahupun dipasarkan di sekitar Kampung Tetabuan. Kajian ini mendapati penglibatan penting golongan wanita khususnya isteri informan dalam aktiviti pemprosesan ikan tersebut. Dengan itu, isi rumah informan mempunyai sumber pendapatan sampingan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada penjualan ikan segar semata-mata. Selain itu, ada seorang informan pula yang mengambil upah membaiki pukot dan enjin. Informan ke 3 menyatakan:

“Aku ada juga ambil upah baiki pukot dan baiki enjin perahu. Aku pandai sikit-sikit bikin.”

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan informan keseluruhannya menjana pendapatan menerusi aktiviti nelayan dan memanfaatkan hasil laut untuk makanan seperti membuat keropok dan ikan masin. Sungguhpun begitu, turut ditemui informan yang memasarkan produk ini sebagai sumber pendapatan tambahan dan menggunakan kemahiran membaiki enjin perahu dan membaiki pukot yang rosak.

Pengalaman Informan dalam Pekerjaan

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan hanya dua orang informan iaitu informan 6 dan informan 7 yang berumur 30-an dan mempunyai pengalaman bekerja di luar dari Kampung Tetabuan. Hal ini menunjukkan mereka pernah mencuba pekerjaan lain selain daripada nelayan. Informan 6 menyatakan:

“Lepas tingkatan 3, aku ikut pakcik ke KL (Kuala Lumpur), lama juga, 8 tahun kerja kilang. Tukar-tukar kilang. Tapi bila balik kampung, aku kerja nelayan, tidak sudah mahu balik KL, di sini kos sara hidup rendah lepas tu jodoh pun orang sini.”

Kajian ke atas nelayan di Kampung Tetabuan ini mendapati ada informan yang pernah berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk mencari rezeki. Informan 6 yang pada ketika itu berusia belasan tahun telah mengikut ayah saudaranya ke Kuala Lumpur dan bekerja dalam sektor perkilangan. Informan 6 yang menghabiskan persekolahannya pada tahap tingkatan 3 ini telah bekerja sebagai operator kilang selama lapan tahun di ibu negara. Beliau akhirnya memutuskan untuk menetap semula di kampung dan memilih nelayan sebagai aktiviti ekonomi untuk menyara keluarganya. Kos hidup yang lebih rendah dan berkahwin dengan wanita sekampung

merupakan alasan yang diberikan untuk informan menetap di perkampungan ini. Faktor perkahwinan dengan rakan sekampung turut menyebabkan informan 7 yang sebelum ini merantau dan bekerja di bandar Sandakan mengambil keputusan untuk tinggal dan bekerja di kampung. Perkara ini disebut oleh informan seperti berikut:

“Aku kerja di Sandakan, tapi lepas kahwin aku balik kampung, kerja kampung.”

Informan 7 menjelaskan, beliau melakukan bermacam-macam pekerjaan di bandar Sandakan, seperti mengangkat barang dan bekerja di kedai. Tetapi apabila berkahwin dengan isterinya yang berasal dari kampung yang sama, maka informan tidak lagi pernah berniat untuk keluar dari Kampung Tetabuan dan terus menetap dan bekerja sebagai nelayan.

Jadual 2: Pengalaman dalam Pekerjaan Mengikut Demografi Informan

Informan	Umur (tahun)	Tahap Pendidikan	Pengalaman Bekerja
1	46	Tidak Pernah Bersekolah	Mewarisi pekerjaan ayah sebagai nelayan
2	43	Darjah 6	Nelayan sejak remaja
3	46	Darjah 6	Nelayan sejak remaja
4	51	Darjah 6	Nelayan sejak remaja
5	50	Darjah 6	Nelayan sejak remaja
6	33	Tingkatan 3	Bekerja kilang di Kuala Lumpur
7	31	Tingkatan 3	Bekerja di bandar Sandakan

Beralih kepada dapatan kajian melalui informan 2 hingga informan 4 yang didapati mempunyai ciri-ciri yang sama. Empat orang informan ini telah bekerja sebagai nelayan sejak usia remaja iaitu selepas menamatkan persekolahan darjah 6. Malah informan 1 menyatakan beliau tidak pernah bersekolah dan semenjak dari kecil lagi selalu mengikut bapanya ke laut untuk menangkap ikan. Hal ini dijelaskan oleh Informan 1 seperti di bawah:

“Pagi-pagi bangun pagi (pergi) tengah laut memukat ikan. Lama-lama sendiri sudah kerja, sendiri ada perahu dan pukat.”

Informan 2 pula menyatakan:

“Mak bapa tidak mau (mahu) kasi (beri) sekolah sudah, jauh di pekan, mana ada duit. Jadi kerja nelayan, ikut ke laut.”

Faktor kepayahan hidup yang dilalui oleh ibu bapa informan yang juga menjadikan aktiviti perikanan sebagai sumber pendapatan keluarga menyebabkan informan tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Hal ini berlaku ke atas informan 2 yang mewarisi pekerjaan ayahnya dari usia seawal remaja lagi. Kedudukan sekolah menengah yang berada di kawasan pekan yang memerlukan kos membiaya pengangkutan dan menanggung perbelanjaan tinggal di asrama telah menyebabkan informan diberhentikan sekolah dan mengikut ayahnya ke laut menangkap ikan. Maka, sebahagian besar daripada kehidupan informan ini bekerja sebagai nelayan seperti yang dijelaskan oleh informan 1:

“Lebih kurang 30 tahun lebih sudah jadi nelayan.”

Informan 3 yang cuba mengingat-ingat usianya ketika pertama kali menjadi nelayan mengatakan:

“Aku kira-kira umur 13 tahun sudah aku kerja sendiri. Aku pukat ikan sendiri.”

Faktor Pemilihan Bekerja di Sekitar Kampung oleh Informan

Setiap tindakan untuk memilih sesuatu pekerjaan dipandu oleh faktor tertentu. Kajian ini telah mengenalpasti lima faktor utama yang mendorong informan mengambil keputusan untuk menetap dan memilih bekerja di sekitar di Kampung Tetabuan. Faktor ini terdiri daripada (i) minat dalam aktiviti ekonomi nelayan; (ii) perkahwinan; (iii) tanggungjawab terhadap keluarga; (iv) kewangan; dan (v) tidak minta berhijrah keluar dari kampung. Kajian turut menemui semua informan menyebut lebih daripada satu faktor yang menyebabkan mereka bekerja di Kampung Tetabuan. Perincian faktor mengikut informan ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Faktor Pemilihan Bekerja di Sekitar Kampung Tetabuan

Kategori	Informan 1 (46 tahun)	Informan 2 (43 tahun)	Informan 3 (46 tahun)	Informan 4 (51 tahun)	Informan 5 (50 tahun)	Informan 6 (33 tahun)	Informan 7 (31 tahun)
Faktor kebergantungan kerja	Tidak berminat keluar dari kampung	Tinggal berdekatan ibu bapa	Menetap Bersama keluarga mertua	Tidak berminat keluar dari kampung	Tidak pernah berpisah dengan keluarga	Kampung sendiri	Berkahwin dengan orang sekampung
	Suka menjadi nelayan	Tidak cukup duit keluar dari kampung	Menjaga mertua	Menjaga Ibu bapa yang sudah tua	Mahu kerja dekat dengan keluarga	Menetap bersama ibu bapa	Suka dengan pekerjaan semasa (nelayan)
	Ketua isi rumah	Suka menjadi nelayan					

Dapatan kajian daripada informan 6 dan informan 7 menunjukkan antara faktor kedua-dua informan ini kembali ke kampung dan bekerja sebagai nelayan adalah faktor perkahwinan. Mereka telah berkahwin dengan wanita dari kampung yang sama. Apabila ada keluarga, dan menjadi ketua keluarga mereka melihat kos sara hidup di kampung adalah rendah dan bekerja sebagai nelayan adalah pilihan yang tepat untuk kelangsungan kehidupan keluarga masing-masing. Informan ke 7 juga menyatakan:

“Mamak (emak) aku sakit, jadi bapa suruh kerja kampung jaga keluarga.”

Dapatan ini juga menunjukkan tanggungjawab sebagai anak untuk menjaga keluarga menyebabkan informan tidak lagi keluar dari kampung. Ketika diajukan mengenai pendapatan yang diperoleh daripada menangkap ikan, informan 7 mengatakan *“boleh lah cukup-cukup makan.”* Hal ini menunjukkan kehidupan informan yang serba sederhana dan mereka mengambil keputusan untuk menetap di kampung sahaja. Berdasarkan Jadual 3 didapati wujud faktor dominan mempengaruhi informan untuk kekal bekerja menjadi nelayan dan tidak mahu keluar dari kampung. Selain daripada faktor informan merupakan anak jati Kampung Tetabuan, berkahwin dengan wanita yang berasal dari kampung yang sama terdapat juga faktor-faktor lain seperti yang dinyatakan oleh informan 1 seperti berikut:

“Saya tiada minat mau keluar dari kampung.”

Informan 1 menjelaskan beliau tidak ada minat keluar dari kampungnya dan ingin kekal menjadi nelayan. Ketika kajian ini diusahakan, informan telah menjadi ketua keluarga dan mempunyai anak. Informan 1 dan informan 7 mempunyai pandangan yang serupa tentang hal ini dengan menyatakan bahawa pekerjaan sebagai nelayan adalah sesuatu kerja yang menyeronokkan dan mereka suka dengan pekerjaan tersebut. Namun selain daripada suka akan pekerjaan yang dilakukan, faktor keluarga seperti tanggungjawab kepada ibu bapa dan mertua menjadi keutamaan mereka. Keseluruhan informan memilih untuk dekat dengan keluarga dan meneruskan pekerjaan yang diwarisi daripada ayah masing-masing. Walau bagaimanapun, informan ke 2 menyatakan:

“Mau juga aku pigi (pergi) bandar kerja, tapi tiada duit.”

Harapan Informan terhadap Anak-anak

Rata-rata informan mengatakan mereka tidak menyambung pendidikan ke sekolah menengah kerana kekangan kewangan dan hal ini menyebabkan mereka sukar keluar dari kampung. Pilihan yang ada hanyalah bekerja sebagai nelayan yang bersesuaian dengan muka bumi Kampung Tetabuan yang merupakan sebuah pulau. Sehubungan dengan dapatan kajian dalam Jadual 3, pengkaji mengajukan soalan berkaitan dengan masa hadapan anak-anak informan. Menurut Informan 2:

“Anak aku belajar di sekolah menengah di Beluran, aku mau dia belajar bagus-bagus.”

Di samping itu, informan ke 5 pula menyatakan:

“Anak masih sekolah dan tinggal asrama, sekolah menengah tiada di sini kampung.”

Daripada dua temu bual bersama informan 2 dan informan 5 jelas menunjukkan mereka menghantar anak masing-masing keluar dari kampung untuk bersekolah di pekan Beluran. Meskipun kedua-dua informan ini hanya menamatkan pendidikan sekolah rendah, namun anak mereka sedang mengikuti pembelajaran di peringkat sekolah menengah di Beluran. Ketegasan dan harapan anaknya tidak mengikut jejak informan sebagai nelayan dinyatakan oleh informan 2 seperti berikut:

“Aku mau anak bagus belajar, jangan kerja macam aku.”

Perkara yang sama juga dikongsikan oleh informan ke 5 seperti di bawah:

“Tidak mahu anak jadi nelayan, mau kerja yang bagus lagi. Kalau dia pandai dia boleh kerja bagus.”

Walaupun begitu, kajian ini masih menemui anak informan berhenti sekolah. Hal ini diakui oleh informan 3 dengan mengatakan:

“Anak aku lepas darjah 6 tidak sudah mau sambung sekolah, jadi nelayan tolong aku.”

Manakala informan 4 ada menyatakan:

“Saya hantar anak sampai sekolah menengah, tinggal asrama, satu bulan saja, balik rumah sudah, tidak sudah mahu sekolah. Habis duit menghantar asrama, lari pulang juga, jadi kasi berhenti sekolah lah. Anak lelaki tidak mahu sekolah.”

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan sebagai ketua keluarga, informan mempunyai usaha menghantar anaknya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Pada masa yang sama, informan mengkehendaki anak mereka mempunyai taraf pendidikan yang lebih baik dan mampu bekerja selain daripada menjadi nelayan di kampung mereka. Namun begitu, ada juga anak-anak para informan yang tidak mahu menyambung sekolah menengah dan tidak tahan tinggal di asrama. Anak informan ini akhirnya balik ke kampung dan bekerja membantunya menangkap ikan. Ketika kajian ini dilakukan, anak-anak informan 6 dan informan 7 masih bersekolah rendah dan temu bual bersama kedua-dua informan ini mendapati mereka berhasrat mahu menghantar anak anak masing-masing ke sekolah menengah di pekan Beluran.

Manakala informan 1 pula menyatakan:

“Anak aku dua orang perempuan, satu sekolah menengah, satu sampai tingkatan 2, tapi dia tidak berapa sihat, jadi balik ke kampung, menolong mamaknya di rumah.”

Seperti sebahagian besar informan yang ditemu bual dalam kajian ini, informan 1 juga berhasrat ingin melihat anak-anaknya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.

Perbincangan

Kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk di kawasan perkampungan Tetabuan Beluran, Sandakan boleh digambarkan melalui status sosioekonomi kehidupan mereka. Keseluruhan informan bergantung kepada pekerjaan sebagai nelayan dan hanya sebilangan kecil sahaja yang melakukan pekerjaan sampingan untuk menambah sumber pendapatan seperti mengambil upah membaiki perahu dan pukut yang rosak. Kebergantungan kepada pekerjaan utama iaitu nelayan, menghadkan jumlah pendapatan mereka. Setakat ini kategori pendapatan mereka masih lagi dalam kadar kemiskinan tegar di mana jumlah anggaran pendapatan berada di bawah RM1,000 sebulan. Dapatan kajian ini menunjukkan jumlah ini masih lagi dalam kategori miskin tegar iaitu RM1,198 yang seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi tahun 2022.

Sehubungan itu, faktor pendidikan menyebabkan mereka tidak dapat keluar daripada belenggu kemiskinan. Sebahagian besar komuniti nelayan di Kampung Tetaban ini mempunyai tahap pendidikan yang rendah sehingga darjah 6. Ada segelintir pula tidak pernah bersekolah. Oleh itu, mereka terlibat dalam aktiviti perekonomian sebagai nelayan yang diwarisi daripada bapa masing-masing dan mereka berasa selesa dengan pekerjaan ini. Siti Hadijah (2020) menjelaskan bahawa pekerjaan dan pendapatan bulanan komuniti miskin menunjukkan taraf hidup mereka. Jika penghuni miskin berjaya dalam pelajaran dan mempunyai pendidikan yang lebih baik, maka golongan ini berkemungkinan boleh mendapat pekerjaan yang berupaya mengubah kehidupan dan keluar daripada kepompong kemiskinan. Bagaimanapun, dapatan kajian di Kampung Tetabuan sebaliknya menemukan kesedaran terhadap peri penting pendidikan masih rendah dan perlu ditingkatkan.

Pada masa yang sama, faktor kos sara hidup yang rendah di kampung merupakan faktor pendorong kepada penduduk untuk kekal berada di kampung halaman. Golongan nelayan yang

menjadi informan kajian ini menganggap kehidupan di luar dari kampung atau di bandar memerlukan perbelanjaan yang lebih tinggi dan hal ini menyebabkan mereka sukar untuk menanggung keperluan keluarga. Dapatan kajian ini disokong oleh Mohd Zaki, Hamid dan Khairul Hisyam (2019) yang menyatakan keselesaan tinggal di kampung halaman dari segi kos sara diri, tinggal bersama keluarga ibu bapa atau mertua menjadikan segelintir daripada penduduk kampung kekal dan bertahan hidup dalam kemiskinan. Mobiliti yang rendah dalam kalangan komuniti miskin tegar menyebabkan mereka sukar mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Dalam hal ini, Laily (2014) menyatakan jika golongan miskin tegar berani berhijrah dan mencari pekerjaan lain untuk mengubah kehidupan mereka, maka peluang untuk keluar daripada kepompong kemiskinan akan lebih cerah. Selain itu, kedudukan kampung yang terletak jauh dari bandar dan memerlukan perahu untuk sampai ke pekan, menyebabkan informan dalam kajian ini tidak melanjutkan pelajaran ke bandar. Bilangan yang bermigrasi untuk mencari pekerjaan di kawasan lain juga kecil. Kos pengangkutan dan sara hidup yang tinggi telah menghalang informan untuk keluar dari kampung dan ia merupakan masalah utama untuk keluar mencari pekerjaan di luar kawasan kampung. Dapatan kajian ini, selari dengan kajian Campos et al. (2018) yang menyatakan bentuk muka bumi yang mencabar menyebabkan kemiskinan di luar bandar sukar dibendung. Faktor kekurangan prasarana dan kesukaran aksesibiliti di kawasan pedalaman turut dikenalpasti oleh Ragayah (2002) sebagai punca kemiskinan sukar diatasi di negeri Sabah.

Meskipun ada informan yang keluar mencari pekerjaan ketika remaja tetapi kembali ke kampung setelah berkahwin dengan penduduk dari kampung yang sama. Nilai kasih sayang atau ambil berat terhadap keluarga mendorong informan dalam kajian ini menetap di kampung. Mereka lebih suka bekerja di kampung kerana ingin menjaga keluarga dan berada dekat dengan ibu bapa atau mertua mereka. Kajian di Kampung Tetabuan ini menyokong dapatan kajian oleh Mohd Zaki, Hamid dan Khairul Hisyam (2019) yang menyatakan elemen psikologi dan kasih sayang wujud dalam kalangan penduduk kampung yang miskin tegar. Menelusuri dapatan kajian ini, menunjukkan komuniti nelayan masih berada dalam kepompong kemiskinan. Namun begitu, keseluruhan informan berpandangan jauh dan tidak mahu anak-anak mereka mewarisi pekerjaan sebagai nelayan yang dilakukan pada masa kini. Wujud tanggapan yang pendidikan dapat mengubah kehidupan mereka kelak. Justeru itu, anak-anak perlu disekolahkan di bandar biarpun terpaksa tinggal di asrama dan berada jauh daripada mereka. Perubahan tindakan dan persepsi generasi infoman tentang peri pentingnya pendidikan yang boleh membawa perubahan terhadap sosioekonomi keluarga masing-masing adalah satu bentuk perkembangan signifikan ke atas perubahan pola pekerjaan penduduk di kawasan luar bandar pada masa akan datang.

Kesimpulan

Keputusan untuk tinggal dan menjana pendapatan dalam persekitaran yang serba kekurangan dari segi infrastruktur telah memberi kesan terhadap kehidupan isi rumah nelayan di Kampung Tetabuan, Beluran. Meskipun nelayan yang dikaji hidup dalam kemiskinan, namun kajian ini mendapati bekerja di sekitar kampung memberi manfaat dari segi hubungan sosial dan kos sara hidup yang rendah berbanding tinggal dan bekerja di bandar. Hubungan sosial yang erat dalam kalangan ahli keluarga dan sanak saudara di kampung sendiri memudahkan ahli komuniti menjalani kehidupan harian masing-masing. Malah tidak ada kos yang perlu dikeluarkan untuk membayar sewa rumah kerana mereka tinggal di rumah sendiri mahupun menumpang bersama keluarga. Selain faktor minat, kajian ini mendapati tanggungjawab kepada ibu bapa dan ahli keluarga didapati mengikat nelayan yang dikaji kekal menetap di Kampung Tetabuan walaupun pendapatan daripada aktiviti ekonomi yang diceburi adalah rendah dan menyebabkan mereka

kekal hidup dalam kemiskinan. Dengan ini, hubungan dan jaringan sosial menjadi keutamaan dalam menentukan serta mempengaruhi pemilihan pekerjaan sebagai nelayan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Perancang Ekonomi (kini dikenali Kementerian Ekonomi), Jabatan Perdana Menteri kerana telah memberi dana Geran Fasilitasi BMTKM 2022-2025 (LPK2208) bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Acheson, J. M. (1981). Anthropology of Fishing. *Annual Review of Anthropology*, 10, 275-316.
- Ahmad Zubir Ibrahim & Abd. Rahim Anuar (2016). Penentu Keterlibatan Nelayan Persisir Pantai dalam Aktiviti Bukan Pertanian di Kuala Kedah, Kedah. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space*, 12, issue 14, hal. 1 – 9.
- Allison, E.H. & Ellis, F. (2001). The Livelihoods Approach and Management of Small-Scale Fisheries. *Marine*
- Béné, C. (2003). When Fishery Rhymes with Poverty: A First Step Beyond the Old Paradigm on Poverty in Small-Scale Fisheries. *World Development*, Volume 31, Issue 6, June 2003, 949-975.
- Firth, R. (Terjemahan Yaacob Harun & Noor Hasnah Moin). (1990). *Nelayan Melayu Ekonomi Tani Mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, D Manu, I Adamu, EH Jediel, W Kasima, B Hajara, I Yusrah (2019). An examination of the impact of financial inclusion on poverty reduction: An empirical evidence from Sub-Saharan Africa. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 9 (1), 239-252.
- Ibrahim, A. Z., Hassan, K. H., Kamaruddin, R., & Anuar, A. R. (2018). The Level of Livelihood Assets Ownership Among Vulnerability Group in East Coast of Malaysia. *European Journal of Sustainable Development*, 7(3).
- Jalihah Md Shah & Hafizah Hj Selamat. (2013). Pengkategorian Nelayan Bandar Dan Kemiskinan: Penelitian Terhadap Nelayan Di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, *Jurnal Kinabalu*, Vol. 19/2013.
- Kalthum Hassan dan Chamhuri Siwar. (2021). *Phases Of Rural Development In Malaysia: Shifting Towards Human Resource Development And Well-Being*. Sintok: UUM Press.
- Laily Paim. (2014). *Konsep Rentan Kepada Kemiskinan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mazlan Majid & Yeap Hock Lai. (2009). “Penilaian Semula Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan Tradisional di Sabah: Kajian Kes di Daerah Kota Belud, Sabah”. *Jati*, Vol. 3, 2009, 93-113.
- LiPuma, E. (1992). Social Identity and the European Community: An Iberian Example. *Maritime Anthropological Studies*, Vol. 5, No. 2, 46-73.
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh & Noraini Idris. (2011). “Poverty Measurement in Malaysia: A Survey of the Literature”. *Akademika* 81(1) 2011:73-81.
- Mohd Zaki Bahrudin, Hamid Saad & Khairul Hisyam Kamarudin. (2019). *Kemampuan Ekonomi Luar Bandar*. UTM Press.
- Muhammad Wafi Ramli, Sharifah Rohayah Sheikh Dawood & Sofia Haminah Mohd Som. (2019). Cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di Tanjung Dawai, Kedah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 15 (1). pp. 54-6
- Mustaffa Omar, Ishak Yussof & Chamhuri Siwar. (2007). “Menangani Masalah Kemiskinan

- Melalui Strategi Peningkatan Modal Insan di Kalangan Penduduk Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting, Langkawi”. Dalam Arshad Abd. Samad, Asmawati Suhid, Bahaman Abu Samah, Jamilah Othman, Jegak Uli, Mazanah Muhamad, Nobaya Ahmad & Samsilah Roslan (Penyunting). *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial, Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan*, Jilid 2. Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.
- Norina Natasha Ag Ijuwan. (2023). Kelangsungan Hidup Nelayan Terhadap Pengisytiharan Kawasan Perlindungan Marin di Kampung Sebayan, Kudat, Sabah. Tesis Sarjana. Program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.
- Norina Natasha Ag Ijuwan & Jalihah Md Shah. (2023). Pengisytiharan Kawasan Perlindungan Marin dan Kelangsungan Hidup Nelayan di Kg. Sebayan, Kudat, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 428 – 438.
- Norzita, J., & Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167–177.
- Ragayah Haji Mat Zin 2002. The impact of the financial crisis on poverty and inequality in Malaysia. In S. Khander (Editor), *Impact of the East Asian financial crisis revisited* (pp. 15-61). Philippines Institute for Development Studies.
- Scott, J & Marshall, G. (2009). *Dictionary of Sociology*. Oxford: Oxford University Press.
- Sen, A. (1999). *Development as Freedom*. Oxford: Oxford University Press.
- S Gopal, P., Abdul Rahman, M. A., Malek, N. M., Jamir Singh, P. S., & Chee Hong, L. (2021). Kemiskinan Adalah Satu Fenomena Multidimensi: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 40–51.
- Siti Hadijah Che Mat. (2020). *Kemiskinan dan Kesejahteraan Penduduk di Luar Bandar*. Sintok: UUM Press.
- Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim & Siti Norliza Jumali. (2012). Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan. PROSIDING PERKEM VII, Jilid 1, hal. 181-191.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang @ Wan Ahmad, Ibrahim Mamat & Abdul Majid Mohd Isa. (2009). Faktor Peramal Minat Belia Untuk Menjadi Nelayan: Satu Kajian di Mukim Kuala Besut, Terengganu. *Jurnal Teknologi*, 50 (E) Jun 2009: 29-52.
- Yahya, M. S. S., Farahein, N., & Samat, N. (2019). Using of Factor Analysis to Determine of Impact on Household Poverty in Northern Region Peninsular Malaysia. *J. Soc. Sci. Humanities*, September.